

22:AKHLAK ISLAMIAH:

BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN MAKSUD BERSIKAP BENAR

Istilah	Tidak _____ dari segi perkataan , _____ dan perbuatan
---------	---

1. Dalil naqli

Allah menjelaskan dalam firmanNya:

1. Allah s.w.t menjelaskan dalam firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

(Surah al-Ahzab: Ayat:70)

Maksud:

Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah s.w.t dan katakanlah yang benar.

2. Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW, bersabda :

عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ. فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ، وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ، حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صَدِيقًا، وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ، فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ، وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ، حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا.

(رواية مسلم)

(Riwayat muslim)

Maksud:

Hendaklah kalian sentiasa bersikap benar, Sesungguhnya benar itu membawa kepada kebaikan, dan kebaikan itu membawa ke syurga. Seseorang yang sentiasa bersikap benar, akan ditulis di sisi Allah sebagai seorang yang benar. Dan orang yang berdusta itu, Sesungguhnya dusta itu membawa kepada kejahatan. Dan kejahatan itu membawa ke neraka. Seseorang yang sentiasa bersikap dusta, akan ditulis di sisi Allah sebagai seorang pendusta.

SPEKTRUM ILMU

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

Maksud: Wahai orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah, dan Hendaklah kamu berada bersama-sama orang yang benar

HUKUM BERSIKAP BENAR: _____

TUNTUTAN BERSIKAP BENAR

Benar Dalam _____	• Tidak _____ apabila berkata-kata dalam semua keadaan • Memelihara diri daripada mengeluarkan lafaz yang jelas mendatangkan _____ dan mengelirukan.
Benar Dalam Niat dan Kemahuan	• Berniat _____ kerana Allah • Berniat untuk membuat kebaikan _____ semata-mata
Benar dalam Keazaman dan _____	• Bertekad mencapai apa-apa yang dicita-citakan • Tindakan yang dilakukan seiring dengan _____ untuk mencapai matlamat
Benar Dalam Menepati Janji	• Berjanji dengan apa-apa yang mampu _____ • Menunaikan apa-apa yang telah dijanjikan • Melaksanakan tepat dengan sesuatu yang telah _____
Benar Dalam _____	• Melakukan tugas tanpa mengharapkan balasan • Melakukan tugas dengan cara yang _____

CONTOH RASULULLAH BERSIKAP BENAR

CONTOH 1

- Rasulullah menyampaikan _____ Allah kepada umat manusia dengan bersifat benar
- Baginda tidak menokok tambah _____ yang disampaikan
- Ajaran Islam yang disebarkan juga tidak mengikut kehendak dan pendapat peribadi baginda
- Setiap _____ katanya berdasarkan Wahyu Allah
- Hal ini dibuktikan dengan firman Allah

CONTOH 1

Rasulullah s.w.a menyampaikan wahyu Allah s.w.t kepada umat manusia dengan bersifat benar. Baginda tidak menokok tambah ayat yang disampaikan. Ajaran Islam yang disebarkan juga tidak mengikut kehendak dan pendapat peribadi baginda kerana setiap tutur katanya berdasarkan Wahyu Allah s.w.t. Hal ini dibuktikan dengan firman Allah sw.t:

وَمَا يَنْطَلِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ ۝ إِن هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۝

(Surah An-Najm: Ayat 3-4)

Maksud:

Dan ia tidak memperkatakan sesuatu menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

CONTOH 2

- Terdapat sebilangan orang yang suka _____ tetapi tidak berkata benar
- Mereka berasa seronok bergurau dengan cerita-cerita _____
- Rasulullah juga pernah bergurau namun baginda sentiasa bersikap benar, walaupun ketika sedang bergurau
- Al Hassan, menceritakan bahawa seorang _____ tua yang datang berjumpa Rasulullah SAW, supaya baginda mendoakannya masuk ke dalam _____
- Lalu baginda memberitahu bahawa orang tua tidak akan masuk ke dalam syurga
- Wanita tua itu terus berlalu pergi sambil menangis, Lalu Rasulullah bersabda:

أَخْبَرُوهَا أَنهَا لَا تَدْخُلُهَا وَهِيَ عَجُوزٌ. إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: جَعَلْنَهُنَّ أَتَكَارًا
(سورة الواقعة، 56: آية 37-38) (رواية الترمذي)

Maksud:
Kamu beritahulah kepadanya bahawa sesungguhnya dia tidak akan masuk ke syurga dalam keadaan tua. Sesungguhnya Allah s.w.t berfirman: Sesungguhnya kami ciptakan wanita-wanita penduduk syurga itu secara langsung, di mana kami jadikan mereka gadis-gadis yang penuh dengan cinta (kepada suami masing-masing) dan sebaya umurnya.

CIRI -CIRI MUNAFIQ



Apabila berkata ia _____



Apabila _____ ia mungkir



Apabila diberi amanah ia _____



Apabila bergaduh ia melampaui batas

HIKMAH BERSIKAP BENAR

Terpelihara daripada sifat _____ yang benci Allah	_____ hati kerana tidak melakukan dosa	Menjadi contoh teladan kepada orang lain kerana _____ dipandang tinggi
--	--	--

SAJIMAR

SA-SAYANG

JI-JIWA TENANG

MAR-MARUAH TERPELIHARA / DIPANDANG TINGGI